



PKNS

RALAT

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam **Gred Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TENDER DITUTUP
<u>Tajuk Projek:</u> CADANGAN KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR UTAMA SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN BAGI JALAN PERSIARAN CV 1/1, SELANGOR CYBER VALLEY, MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN <u>No. Kontrak:</u> PKNS/SCV-IU/JPCV/KON-1/2025	<u>CIDB :</u> Gred G6 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 (WAJIB) CE19, CE20 (SEKIRANYA ADA)	BAHAGIAN PEROLEHAN, TINGKAT 2, BLOK D, IBU PEJABAT PKNS, NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14, SHAH ALAM, SELANGOR. <u>Pada :</u> 30 Oktober 2025 hingga 7 November 2025 <u>Jam:</u> 9:00 Pagi hingga 4:00 Petang	20 November 2025 (Khamis) Jam 12:00 Tengah Hari

1. Keutamaan diberikan sekiranya petender / syarikat memiliki pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah :-

- i) Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015)
- ii) Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (MS ISO 45001:2018)
- iii) Sistem Pengurusan Alam Sekitar (MS ISO 14001 : 2015)

(Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender / tawaran)

2. Syarikat yang berminat juga wajib memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
- i) Mempunyai Modal Kewangan sekurang-kurangnya **RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Juta Sahaja)**;
 - ii) Mempunyai pengalaman kerja serupa bagi **kerja infrastruktur utama seperti kerja jalan**;
 - iii) Status syarikat tidak disenaraihitam atau dikenakan sebarang **Tindakan Tatatertib oleh CIDB**.
3. Dokumen Tender akan dijual (**Pendrive Softcopy**) pada harga **RM150.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Puluh Sahaja)** (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Bayaran pembelian dokumen tender boleh dibuat seperti berikut:-
- i) Melalui **Kad Debit, Kad Kredit atau Draf Bank (atas nama PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR atau PKNS)** hendaklah dibuat di **Kaunter Pembayaran di Tingkat Bawah, Blok B, Ibu Pejabat PKNS Shah Alam** dan dapatkan resit pembayaran sebelum hadir ke Bahagian Perolehan untuk mengambil Dokumen Tender.
4. Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **21 Oktober 2025**.
5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Syarikat atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Syarikat ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Syarikat dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) (wajib), SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA (PKK) (wajib)** serta **WAJIB** membawa **SATU SALINAN** bagi setiap Sijil-Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
6. Petender dinasihatkan untuk membaca dengan teliti **Senarai Semak dan Perakuan Tender** di dalam Dokumen Tender dan memahami kehendak Dokumen Tender sebelum mengemukakan Dokumen Tender.
7. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN
TINGKAT 2, BLOK D, BANGUNAN IBU PEJABAT PKNS,
NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel: 03-5525 0300
<http://etender.pkns.gov.my>

8. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.